

29/12/1999

Dasar baru pulih semangat pelajar IPT dilaksana

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pendidikan akan melaksanakan dasar baru bagi memulihkan semangat pelajar terutama di institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai usaha membentuk masyarakat padu bagi mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata pelaksanaan dasar itu akan dimulakan pada peringkat pendidikan asas iaitu tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah sebelum diteruskan di universiti.

Katanya, walaupun sistem pendidikan kini adalah baik tetapi sesuatu harus dilakukan bagi membentuk masyarakat lebih padu daripada yang ada sekarang.

"Kita harus sedar, dasar kita ialah membantu membangunkan negara secara positif dan kita mahu pemuda kita mempunyai wawasan mulia," katanya di Istana Negara di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau mengangkat sumpah jawatan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Aziz mengangkat sumpah jawatan hari ini kerana tidak dapat bersama menteri lain pada upacara 14 Disember lalu kerana terbabit dalam kemalangan tiga hari sebelum itu yang menyebabkan isterinya, Datin Asmah Ali Hussin, terbunuh.

Aziz berkata, perubahan itu perlu kerana manusia serta masyarakat adalah dinamik dan apa yang berlaku 20 tahun dulu mungkin tidak relevan lagi pada masa sekarang.

"Kita sebagai masyarakat yang membangun khususnya generasi muda harus menghadapi ini secara realistik dan saya yakin dengan sokongan rakyat.

"Kita akan capai matlamat yang lebih besar daripada apa yang kita jangkakan sebelum ini," katanya.

Ditanya apakah langkah itu adalah rombakan dasar pendidikan negara, Aziz menafikannya dan berkata dasar sedia ada yang baik akan diikuti secara terperinci.

Katanya, semua perkara berhubung dasar pendidikan itu akan dibincangkan dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed.

"Saya hanya seorang timbalan menteri, pandangan saya dan pendapat saya akan dibincangkan dan saya harap diterima... saya rasa apa yang kita akan buat adalah untuk kebaikan negara," katanya.

Mengenai kesihatan dirinya, Aziz yang masih menggunakan tongkat untuk berjalan berkata kecederaannya beransur pulih dan akan memulakan tugas selepas Aidilfitri.

Katanya, beliau ingin memulakan tugas secepat mungkin tetapi Dr Mahathir menasihatkan beliau jangan terburu-buru sehingga kecederaannya pulih.

"Saya terhutang budi kepada Perdana Menteri kerana mempercayai saya... serta menjunjung kasih kepada Tuanku kerana sudi melantik saya sebagai senator dan timbalan menteri," katanya.

(END)